



SIARAN AKHBAR

ACARA PENANAMAN POKOK
BERSEMPENA PROTOKOL HIJAU
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Hari Sabtu, 16hb. Syawal 1442H bersamaan 29hb. Mei 2021M

Bandar Seri Begawan - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) hari ini telah mengadakan Acara Penanaman Pokok Bersempena Protokol Hijau bertempat di Kawasan Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Sebanyak 27 pokok yang ditanam terdiri daripada 18 pokok Tabebuia Rosea dan 9 pokok buah.

Tetamu Kehormat di acara tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap; Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Sebelum itu, satu sesi senamrobik telah dikendalikan oleh Syarikat Soul Fitness iaitu syarikat yang dilantik untuk Kementerian ini bagi sesi senaman di bawah Program *Workplace and Health (WAH)* kelolaan Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Acara Penanaman Pokok merupakan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi melaksanakan salah satu garis panduan Protokol Hijau untuk mencapai sasaran Negara dalam melaksanakan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:
Unit Pehubungan Awam
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 29hb. Mei 2021M